



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**  
**MESYUARAT MENTERI-MENTERI KEWANGAN DAN GABENOR-GABENOR BANK**  
**PUSAT ASEAN KE-7 DAN MESYUARAT-MESYUARAT YANG BERKAITAN, (VIRTUAL)**  
**SELASA, 30HB MAC 2021**

---

1. Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN (AFMGM) Ke-7, Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN bersama dengan Ketua-Ketua Institusi Kewangan Antarabangsa (AFMGM-IFIs) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN (AFMM) Ke-25 telah diadakan melalui Persidangan Virtual pada hari Selasa, 30hb Mac 2021.
2. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah telah mempengerusikan Mesyuarat AFMM ke-25, manakala Mesyuarat AFMGM ke-7 dan AFMGM-IFIs telah dipengerusikan bersama dengan Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar.
3. Semasa Mesyuarat AFMGM-7 dan Mesyuarat AFMGM-IFIs, Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd Rahman, dan Yang Mulia Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman, Timbalan Pengarah Urusan AMBD. Yang Mulia Dayang Suraya binti Haji Jaidin, Setiausaha Tetap (Prestasi dan Korporat) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga turut menghadiri mesyuarat-mesyuarat tersebut.

## **Sesi Khas diantara Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat dengan Ketua-Ketua Institusi Kewangan Antarabangsa**

4. Mesyuarat bertukar pandangan bersama pihak *Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB)*; *Asian Development Bank (ADB)*; *International Monetary Fund (IMF)*; *World Bank* dan *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO)* mengenai tinjauan serantau dan global dan juga usaha-usaha kearah pemulihan yang inklusif dan berdaya tahan dengan menerapkan penggunaan teknologi.
5. Dalam pada ini, antara perkara-perkara yang telah dirumuskan oleh Yang Berhormat Dato adalah seperti menekankan kepentingan teknologi dan digital ekonomi sebagai sebahagian norma baharu dan membantu menjana perkembangan; pelaburan yang berkualiti bagi mewujudkan pekerjaan baru dan meningkatkan produktiviti; dan "*green*" *growth strategies*.

### **Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Ke-25**

6. Mesyuarat mengambil maklum dan menyambut baik perkembangan yang telah dilaporkan oleh pelbagai kumpulan-kumpulan kerja mengenai isu-isu di bawah bidang tugas AFMM seperti *Infrastructure Financing*; *Cooperation in Insurance Matters*; *ASEAN Disaster Risk Financing and Insurance*; *Cooperation in Customs*; *Anti-Money Laundering and Counter Terrorist Financing*; *ASEAN Forum on Taxation*; dan *ASEAN Capital Market Forum*. Mesyuarat juga mengambil maklum perkembangan pelaksanaan *Master Plan on ASEAN Connectivity* dan kerjasama infraskruktur yang berdaya tahan.

### **Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor Bank Pusat ASEAN Ke-7**

7. Mesyuarat membincangkan perkembangan dan kemajuan kumpulan-kumpulan kerja di bawah *Roadmap for Monetary and Financial Integration of ASEAN (RIA-Fin)* yang mana menunjukkan perkembangan yang menggalakkan. Ketiga-tiga *priority economic deliverables* Negara Brunei

Darussalam yang telah diluluskan semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabenor Bank Pusat ASEAN adalah seperti berikut:

- a. Penandatanganan *ASEAN Framework on Services (AFAS) Protocol on Financial Services Ke-9* yang akan meningkatkan lagi liberalisasi bagi sektor perkhidmatan kewangan di rantau ASEAN yang mana akan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan juga perkembangan agenda pengintegrasian ASEAN;
  - b. Mengadakan *ASEAN Financial Literacy Conferences* sebagai kaedah untuk meningkatkan kecelikan kewangan dan kewangan inklusif yang mana merupakan komponen utama dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dan resilien; dan
  - c. Memulakan kerja kearah penubuhan *ASEAN taxonomy on sustainable finance*. *Taxonomy* berkenaan akan membantu pelabur-pelabur mengenalpasti kelayakan aktiviti-aktiviti atau pelaburan-pelaburan yang dapat diklasifikasikan sebagai mampan dan akan memberikan penjelasan dalam membantu pelabur mengenalpasti projek-projek yang mampan dan mengelakkan perpecahan pasaran (*market fragmentation*).
8. Dalam meneruskan sesi dialog AFMGM bersama sektor swasta, Mesyuarat juga telah mengadakan sesi dialog bersama *ASEAN Business Advisory Council*, *EU-ASEAN Business Council* dan *US-ASEAN Business Council* bagi membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan usaha-usaha pemulihan ekonomi kearah pencapaian pembangunan yang mampan, resilien dan inklusif.
9. Kenyataan Bersama bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabernor Bank Pusat ASEAN Ke-7 yang telah diluluskan oleh Menteri-Menteri Kewangan dan Gabenor-Gabernor Bank Pusat boleh dimuat turun melalui laman sesawang Sekretariat ASEAN.

\*\*\*